



Konsep Integriti Dalam Keberkatan Bekerja

YBhg. Ustaz Dr Hj. Mohd Farid Ravi

Apakah maksud integriti?

Integriti sebenarnya berasal dari istilah bahasa Inggeris yang membawa erti keutuhan dari semua segi yang baik. Dalam bahasa Melayu, ia biasanya menjurus kearah perwatakan seseorang.

Maksud integriti mengikut Kamus Dwibahasa DBP, 1985, ialah kejujuran dan ketulusan; kesempurnaan; keutuhan. Dari maksud yang didapati dari Kamus di atas, integriti adalah sifat jati diri yang merangkumi juga keikhlasan, keterbukaan, ketelusan, amanah, benar, berpegang kepada prinsip, tidak mudah dipengaruhi, boleh dipercayai, boleh pegang cakupnya, dll.

Integriti dalam pekerjaan menurut Islam?!

BERTANGGUNGJAWAB

Sesuatu yang menuntut pekerja supaya sentiasa berwaspada ke atas apa yang dilakukan atau dibelanjakan kerana mereka akan disoal dan diperiksa bukan sekadar di dunia malahan di hari pembalasan



Bekerja semata-mata
kerana Allah


Dengan meletakkan setiap
kerja yang dilakukan sebagai
ibadah yang akan
memperolehi ganjaran di
akhirat.

Bekerja dalam hal-hal
yang baik dan usaha yang
halal

tidak akan sama antara baik dan
buruk atau antara yang halal
dan haram. Ia akan selalu
menghalalkan yang halal dan
mengharamkan yang haram.

INTEGRITI DI TEMPAT KERJA

1. MENYAYANGI DIRI DENGAN MENERAPKAN BUDI PEKERTI DAN AMALAN BAIK
2. MENYAYANGI DIRI DENGAN MENDISIPLIN DIRI TERHADAP PERATURAN DAN ETIKA KERJA.
3. MENYAYANGI DIRI DENGAN MENGURUS MASA YANG BETUL DAN OPTIMA.

- 
4. Menyayangi keluarga dengan melaksanakan peranan dan tanggungjawab terhadap keluarga
 5. Hidup bersama dengan rakan sekeliling, pihak atasan dan masyarakat dengan harmoni.
 6. Bersedia menghadapi cabaran tugas dan tanggungjawab.
 7. Bersikap rasional terhadap diri.
 8. Usaha berterusan dan memiliki sumber bistari.

HALANGAN DAN CABARAN DALAM MENCAPAI INTEGRITI

RASUAH

pemberian utk menumbuk rusuk (menyogok, menyuap), (wang) tumbuk rusuk (sogok, suap)

KHIANAT

perbuatan menganiaya orang lain; perbuatan belot atau tidak setia (kpd kawan, bangsa, negara dsb)

PECAH AMANAH

perbuatan mensia-siakan amanah (kepercayaan) orang dll (dgn menipu dsb)

BOHONG ATAU DUSTA

berlainan drpd yg sebenarnya (cerita, keadaan, dll), dusta, karut, palsu:

SIFAT-SIFAT NEGATIF YANG PERLU DIJAUHKAN

1

**SUKA MENYALAHKAN
ORANG LAIN DAN
BERANGGAPAN
KITALAH SAHAJA YANG
BETUL DALAM SEMUA
KEADAAN.**

2


**MELAKUKAN
PEMBAZIRAN DAN
BERBUAL-BUAL KOSONG
SESAMA RAKAN
SEKERJA.**

3

**MENGHABISKAN MASA
DENGAN MELAKUKAN
KERJA-KERJA
PERSENDIRIAN.**

4

**SUKA MENONJOLKAN
DIRI, BERBANDING
SUMBANGAN YANG
DIBERIKAN TERLALU
KECIL.**



**SABDA RASULULLAH S.A.W BERMAKSUD:
"SESUNGGUHNYA ALLAH S.W.T MENCINTAI
SESEORANG YANG APABILA MENGERJAKAN SESUATU
PEKERJAAN, DILAKUKAN DENGAN PENUH
KESUNGGUHAN (ITQAN)".**

(HADIS RIWAYAT IMAM MUSLIM)

KESIMPULAN

Sebagai sebuah negara yang mengakui di dalam perlembagaan bahawa Islam itu ialah agama rasminya, Malaysia sudah semestinya terus menerus meningkatkan usaha menerapkan nilai-nilai Islam di dalam setiap bidang kegiatan kerajaan .Oleh yang demikian setiap masyarakat islam perlulah lebih mendalami integriti dalam pekerjaan menurut islam supaya menjadi panduan dalam kehidupan seharian.